



TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST)
DAN SURAT PELANTIKAN PEGAWAI PENGUASA
BAGI PROJEK PEMBINAAN IBU PEJABAT POLIS
KONTINJEN (IPK) PERAK DAN PERUMAHAN

21 OGOS 2026 | JUMAAT | 10.00 PAGI

<<<Salutasi akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas jemputan untuk hadir ke Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) dan Surat Pelantikan Pegawai Penguasa bagi Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak dan Perumahan.
2. Saya juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) atas kehadiran serta kepercayaan yang berterusan diberikan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dalam menjayakan pelaksanaan projek pembangunan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak yang baharu ini.
3. Sekalung penghargaan turut saya rakamkan kepada Jawatankuasa Penganjur atas usaha dan komitmen dalam menjayakan majlis pada hari ini. Majlis ini bukan sekadar menandai penyerahan Surat Setuju Terima (SST), malah menjadi titik permulaan penting kepada

pelaksanaan projek yang akan memperkukuh penyediaan infrastruktur keselamatan dan perkhidmatan awam di Malaysia.

MEMACU PELAKSANAAN PROJEK BERPRESTASI TINGGI

Hadirin yang saya hormati,

4. Salah satu cabaran utama dalam industri pembinaan ialah isu projek sakit yang bukan sahaja meningkatkan kos, malah menjejaskan kelancaran pelaksanaan projek dan melambatkan penyampaian manfaat kepada rakyat. Justeru itu, KKR telah menetapkan dua (2) sasaran utama bagi memastikan setiap projek dilaksanakan dengan lebih cekap, berkesan dan berimpak, iaitu:

- i. **Mencapai Zero Sick Projects**, iaitu memastikan tiada projek yang dalam mengalami kelewatan serius atau masalah pelaksanaan sehingga menyebabkan pembaziran sumber; dan
- ii. **Memastikan melaksanakan projek Ahead of Time (AOT)** supaya projek dapat disiapkan lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan.

5. Usaha ini bukan sahaja bertujuan mengoptimumkan tempoh dan kos pelaksanaan projek, malah memastikan aspek keselamatan sentiasa diberi keutamaan selaras dengan standard dan amalan yang ditetapkan oleh Kementerian serta *Construction Industry Development Board (CIDB)*. Anggaplah ini cabaran daripada saya buat kontraktor dan pasukan projek.
6. Kepada kontraktor yang menerima Surat Setuju Terima (SST) pada hari ini, saya ingin menegaskan bahawa amanah yang diberikan ini hendaklah dilaksanakan dengan penuh integriti, tanggungjawab dan komitmen. Pastikan setiap projek disiapkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan, mencapai tahap kualiti yang terbaik serta disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan.
7. Selain pihak kontraktor, saya turut menekankan peranan penting Pegawai Penguasa dalam memastikan setiap projek dilaksanakan secara teratur dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Pegawai Penguasa hendaklah sentiasa proaktif dalam memantau kemajuan kerja, mengenal pasti sebarang isu di tapak serta mengambil tindakan penyelesaian dengan segera agar tidak menjejaskan jadual dan prestasi projek.

Hadirin sekalian,

8. Pada masa yang sama, komunikasi dan kerjasama yang berkesan antara semua pihak hendaklah diperkukuh kerana penyelarasan yang baik merupakan antara faktor utama yang menentukan kejayaan sesuatu projek.
9. Sehubungan itu, saya mengharapkan agar pihak kontraktor mengutamakan perancangan dan pengurusan projek yang sistematik, cekap dan menyeluruh.
10. Setiap aspek pelaksanaan, termasuk perancangan kerja, penggunaan bahan, keperluan tenaga kerja dan jentera serta pengurusan aliran tunai, hendaklah dirancang dan dikawal dengan teliti sejak peringkat awal bagi memastikan projek berjalan lancar dan dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.
11. Dengan komitmen dan perancangan yang baik, saya yakin pihak kontraktor yang menerima Surat Setuju Terima (SST) pada hari ini mampu melaksanakan projek yang diamanahkan dengan penuh profesionalisme dan integriti, mengekalkan momentum pelaksanaan serta mencapai hasil yang berkualiti, mengikut tempoh dan sasaran yang ditetapkan.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

12. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada kontraktor yang menerima Surat Setuju Terima (SST) pada hari ini. Laksanakanlah amanah yang diberikan dengan penuh dedikasi, integriti dan tanggungjawab, serta buktikan bahawa projek yang dilaksanakan mampu mencapai standard terbaik dari segi kualiti, keselamatan, kos dan tempoh.
13. Adalah menjadi harapan saya agar setiap kerja yang dilaksanakan mematuhi spesifikasi dan syarat kontrak, serta segala peraturan dan keperluan keselamatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan agensi berkaitan. Saya berharap projek ini memberikan nilai dan impak yang signifikan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam memperkukuh keupayaan penyampaian perkhidmatan serta menyokong aspek keselamatan dan kesejahteraan negara.
14. Saya dengan ini merasmikan **Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima bagi Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak Dan Perumahan.**

Sekian, terima kasih.